



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN GERAI MAKANAN PASAR AWAM  
SRI PENANTI

## OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L  
KARPAL SINGH  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU  
PINANG MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa  
PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN  
BANDAR & DESA**

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**30 SEPTEMBER 2018 (AHAD)**  
**8.30 PAGI**

**PASAR AWAM SRI PENANTI**  
**KUBANG SEMANG**  
**BUKIT MERTA JAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Tuan Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq**

Ahli Dewan Undangan Negeri - Bertam

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**

Puan Setiausaha Perbandaran

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Para Peniaga dan Pengunjung Pasar Awam Sri Penanti**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

.....

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Gerai Makanan Pasar Awam Sri Penanti, Seberang Perai Tengah oleh Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Yang Berhormat Tuan Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq, Ahli Dewan Undangan Negeri Bertam, Ahli-Ahli Majlis MPSP dan para hadirin sekalian kerana sudi meluangkan masa untuk hadir ke majlis pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan amat besar ertinya kepada kami semua.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Untuk makluman semua, sehingga ini MPSP mempunyai 31 buah pasar awam yang mengandungi 3,942 unit gerai dan 66 buah kompleks makanan di pasar awam yang mempunyai 1,529 gerai.

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan demi kesejahteraan penduduk, pasar-pasar awam dan kompleks-kompleks makanan sedia ada yang telah usang dan kurang selesa, telah dibuat pembaharuan dengan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan MPSP sendiri. MPSP telah dan akan terus melaksanakan kerja-kerja naiktaraf dan pembinaan baru kemudahan pasar dan kompleks makanan di Seberang Perai. Pada tahun 2017 dan 2018 sebanyak empat (4) projek yang melibatkan naiktaraf pasar awam dan kompleks makanan dilaksanakan di Seberang Perai:-

- I. Pembinaan gerai makanan di Pasar Awam Berapit, Seberang Perai Tengah yang melibatkan kos sebanyak RM147,976.00 dan siap sepenuhnya pada 13 November 2017;
- II. Kerja-kerja pengukuhan Pasar Awam Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah yang melibatkan kos sebanyak RM735,835.10 dan disiapkan pada 7 Julai 2018;

- III. Meroboh dan menaiktaraf gerai makanan setingkat di Pasar Awam Sri Penanti, iaitu Kompleks Makanan yang akan dirasmikan hari ini. Projek ini telah menelan perbelanjaan sebanyak RM385,500.00. Tarikh kerja menaiktaraf dilaksanakan adalah pada 15 November 2017 dan telah siap sepenuhnya pada 13 Julai 2018;
  
- IV. Meroboh dan membina semula Kompleks Makanan di Lebuah Tenggara Seberang Jaya yang melibatkan kos sebanyak RM506,000.00 dan dijangka siap pada 27 Jun 2019.

MPSP telah membuat pembaharuan kepada Kompleks Makanan Pasar Awam Sri Penanti ini dengan peruntukan sepenuhnya oleh MPSP. Penambahbaikan kompleks makanan ini akan memberi manfaat dan keselesaan kepada peniaga serta pengunjung apabila terdapat lebih banyak fasiliti yang disediakan berbanding sebelum ini. Fasiliti utama yang telah ditambah baik adalah:-

- i. 13 unit gerai makanan tertutup berukuran 10' x 12' bersama kemasan jubin homogeneous,
  
- ii. *Roller shutter* bagi setiap unit gerai,

- iii. Ruang makan bersama kemas jubin *homogeneous*,
- iv. Setiap gerai makan dilengkapi dengan kemudahan perangkap minyak,
- v. Kipas angin individu di dalam setiap unit gerai dan ruang makan, dan
- vi. Meter TNB individu bagi setiap unit gerai.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mensasarkan kemakmuran hidup sebenar dapat dinikmati rakyat, selain Pulau Pinang dikenali sebagai negeri hijau di Malaysia. Untuk mencapai sasaran tersebut, Kerajaan Negeri telah menggagaskan wawasan pembangunan negeri iaitu *Penang2030* (Pulau Pinang 2030), yang terdiri dari empat tema utama;

1. Meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk;
2. Mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah;

3. Memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil;  
dan
4. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

Segala polisi yang diperincikan di bawah Penang2030, memberi tumpuan terhadap aspek pembangunan kekeluargaan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dan pintar, serta lonjakan ekonomi dan pembentukan rakyat sivil.

MPSP komited dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan Pulau Pinang negeri hijau di Malaysia dan Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa dengan tumpuan kepada aspek pembangunan mampan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi.

Dengan menjadikan “*Seberang Perai is for All*” sebagai *guiding principal*, MPSP telah memacu ke arah menjadikan Seberang Perai “*Smart Sustainable City*” dengan visi “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi**”. MPSP telah menyediakan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 yang merupakan dokumen hala tuju MPSP bagi tempoh lima (5) tahun dan merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MPSP kepada semua *stakeholders* di

Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP. Visi ini dapat dicapai dengan penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

MPSP menyokong penuh sasaran yang telah ditetapkan oleh Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh untuk memastikan semua gerai makanan dan pasar awam milik MPSP mencapai tahap kebersihan A ataupun B menjelang Februari 2019.

Untuk makluman, Kempen Kebersihan Premis Makanan ini telah bermula pada 31 Julai hingga 3 Februari 2019 dan dipecahkan kepada beberapa fasa.

Fasa Pertama iaitu 'Pendidikan' bermula pada 31 Julai hingga 30 November 2018 yang melibatkan:-

- i. Penyaluran informasi kesihatan kepada pengusaha / pengendali makanan.



- ii. Memberi kesedaran mengenai tatacara pengurusan premis berdasarkan syarat yang telah ditetapkan.
- iii. Mempertingkatkan / mengekalkan tahap kebersihan di premis makanan.
- iv. Memperbaiki amalan yang tidak betul / berisiko oleh pengendali makanan semasa mengendali makanan.

Fasa kedua pula melibatkan 'Penguatkuasaan' yang bermula pada 3 Disember 2018 hingga 3 Februari 2019. Dalam fasa ini pendidikan kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang ("*Educational Enforcement*") dilaksanakan. Kaedah "*Educational Enforcement*" digunapakai bagi memberi kesedaran kepada pengendali makanan / pengusaha premis makanan tentang aspek kebersihan dan keselamatan makanan yang perlu ditingkatkan.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

MPSP juga serius dalam menguruskan sisa pepejal dengan sempurna dan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam melaksanakan dasar pengasingan sisa di punca. Dasar ini telah membantu dalam meningkatkan

lagi kadar kitar semula Seberang Perai yang telah mencatat 38% pada tahun 2016 dan telah meningkat kepada 43.25% pada tahun 2017 dan seterusnya mensasarkan peningkatan kadar kitar semula tahunan sebanyak 7% dan mencapai 70% kadar kitar semula, menjelang tahun 2022 seperti di dalam Pelan Strategik MPSP. Selain itu, MPSP juga mensasarkan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurangan daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8kg/orang/hari pada tahun 2022.

Untuk mencapai hasrat ini MPSP memperkenalkan MPSP *Smart Consumption Model 8R* [*rethink, refuse, reduce, re-use, repair, re-gift, recover* dan *recycle*] yang mana intipatinya adalah memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

Saya amat-amat mengalukan kerjasama daripada semua peniaga dan pengunjung untuk mengasingkan sampah mengikut kategori bahan-bahan yang boleh dikitar semula dan sisa organik seperti sisa makanan. Ini adalah antara perancangan MPSP untuk mengalih dan mengurangkan sisa sampah daripada dibawa ke tapak pelupusan. Barangan kitar semula boleh

dijual kepada pusat kitar semula manakala sisa organik pula dialihkan ke loji kompos membuat baja yang dipusatkan di Pasar Awam Bagan Ajam. Besarlah harapan saya sekiranya peniaga dan pengunjung ke Kompleks Makanan Pasar Awam Sri Menanti dapat bersama-sama menjaga kebersihan dan melaksanakan pengasingan sisa dipunca dan merealisasikan harapan MPSP untuk menjadikan Seberang Perai Bandar Rendah Karbon (*Low Carbon City*).

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Projek naiktaraf pasar awam dan kompleks makanan telah memasukkan ciri-ciri rekabentuk sejagat dan penyediaan kemudahan OKU sebagai syarat-syarat kemajuan dalam kerja-kerja naiktaraf. Antara aspek-aspek rekabentuk sejagat yang telah diserapkan di dalam rekabentuk kompleks makanan ini adalah:-

- i. Kompleks makanan ini adalah berkonsepkan terbuka dengan rekabentuk bumbung yang tinggi bagi membolehkan peredaran udara di bahagian dalam dan memberi suasana yang selesa kepada peniaga dan pengunjung.
- ii. Menaiktaraf longkang dan penutup longkang di sekeliling kompleks makanan.

- iii. *Ramp* dan laluan *tactile* (untuk golongan cacat penglihatan) turut disediakan bagi memudahkan golongan OKU untuk memasuki kompleks makanan.
- iv. Pemasangan lampu jenis LED yang mencukupi.
- v. Pemasangan kipas yang mencukupi untuk pengudaraan yang lebih lancar dalam kompleks makanan.
- vi. Satu petak parkir untuk golongan OKU juga disediakan untuk memberi kemudahan kepada golongan OKU yang mengunjungi Pasar Awam Sri Penanti.

Kompleks Makanan yang dinaiktaraf ini hendaklah dijaga bersama oleh semua peniaga dan pengunjung. Adalah menjadi tanggungjawab peniaga untuk memelihara, menjaga dan bertanggungjawab ke atas kebersihan kompleks makanan dan penjagaan kemudahan yang disediakan di sini. Peniaga perlu memastikan ruang niaga di kompleks ini dijaga dan dibersihkan dari masa ke semasa. Peniaga juga adalah dinasihatkan menjaga imej dan budaya masyarakat Pulau Pinang dengan mengamalkan etika perniagaan yang profesional agar imej Pulau Pinang yang bertaraf antarabangsa dapat dikekalkan.

Saya berharap kompleks ini boleh dijadikan "*Role Model*" suatu kompleks makanan yang bersih di Seberang Perai. Saya menyeru agar peniaga-peniaga menggunakan kemudahan yang disediakan oleh MPSP dengan penuh rasa bertanggungjawab dan menjaga kemudahan tersebut dengan baik. Janganlah menyambung atau menambah *plug point* yang baru, menambah paip air dan menjalankan pengubahsuaian struktur dan penambahan tanpa kelulusan MPSP. Jadikan dan kekalkan kompleks makanan ini sebagai yang paling bersih dan yang paling rendah kos penyelenggaraannya.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Akhir kata, sokongan dan penglibatan penduduk Seberang Perai adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon pada tahun 2022. Sekali lagi, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Yang Berhormat Tuan Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq, Ahli-Ahli Majlis MPSP, warga kerja MPSP, peniaga-peniaga dan para pengunjung Kompleks Makanan Pasar Awam Sri Penanti dan serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan penuh ke atas usaha-usaha MPSP.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**